

06 NOV 2001

Parlimen-Politik

PEGUAM NEGARA TELITI UCAPAN AHLI POLITIK BERUNSUR HASUTAN

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Jabatan Peguam Negara sedang meneliti beberapa ucapan ahli politik yang mempunyai unsur-unsur menghasut dan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Hasutan 1948, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

"Setakat ini beberapa kes telah muncul akibat ucapan ahli politik yang bersifat menghasut," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dr Rais berkata kerajaan telah mengarahkan polis agar lebih berhati-hati mengumpul bahan bersifat hasutan untuk digunakan sebagai bukti di mahkamah.

Katanya, seseorang ahli politik yang mengeluarkan kata-kata yang mempunyai sifat atau mirip menghasut boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 3 atau 4 Akta Hasutan 1948.

Dr Rais berkata syor mengadakan etika ahli politik bagi mengawal tingkah laku ahli-ahli politik masih di peringkat cadangan.

"Mungkin suatu masa nanti, ahli politik juga akan mematuhi peraturan tertentu bagi menjamin bidang tersebut tetap terpelihara dan dihormati," katanya ketika menjawab soalan asal Lee Kah Choon (BN-Jelutong).

Ketika menjawab soalan tambahan Lee tentang kemungkinan menteri kabinet turut memerlukan etika seperti itu, Dr Rais berkata semua menteri kabinet ketika ini tertakluk kepada "Ministers Function Act" yang menentukan tugas menteri kabinet sejak merdeka lagi.

Katanya, namun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari masa ke masa mengeluarkan arahan kepada menteri dan anggota pentadbiran supaya meningkatkan prestasi perkhidmatan supaya mencapai tahap maksimum.

-- BERNAMA

RZS RZS NMO